



**TIMBALAN Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abdul Mutalib (kiri) dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin (kanan) melihat pingat gangsa dimenangi Airul Firham Che Amran pada pertandingan dandanan rambut di Sao Paulo, Brazil, semalam. - BERNAMA**

## Airul Firham raih pingat pertama Malaysia di WSC'

**SAO PAULO 17 Ogos** - Penantian 22 tahun Malaysia untuk menang di World Skills Competition (WSC) berakhir apabila Airul Firham Che Amran berjaya meraih pingat gangsa dalam bidang kemahiran dandanan rambut.

Pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak, Kuala Kubu Baharu, itu menjadi peserta pertama negara menaiki podium dalam 12 penyertaan Malaysia di WSC sejak 1993.

Airul Firham, 21, memenangi pingat berkenaan bersama peserta dari Korea Selatan dan Chinese Taipei bagi acara itu yang menobatkan peserta China sebagai pemenang pingat emas manakala peserta Perancis pula meraih perak.

Beliau turut diumumkan sebagai penerima 'Best of Nation' yang mengiktiraf peserta terbaik bagi setiap negara yang bertanding.

Kejayaan Airul Firham itu turut diiringi 12 peserta negara yang menerima pingat kecemerlangan setelah berjaya mengumpul lebih 500 mata dalam bidang masing-masing.

Ia meliputi bidang mekatronik; penyelesaian perisian IT; kim-palan; perpaipan dan pemanas; elektronik; pemasangan; pemasangan elektrik; pembuatan kabinet; terapi kecantikan; teknologi fesyen; masakan dan penyejukan.

Penyertaan Malaysia di WSC di Sao Paulo, Brazil sekali gus

merupakan pencapaian terbaik mengatasi penyertaan di Leipzig, Jerman dua tahun lepas dengan pungutan sembilan pingat kecemerlangan.

Dua puluh peserta Malaysia menyertai 19 bidang kemahiran pada pertandingan yang pertama kali diadakan di negara Amerika Latin itu.

Pertandingan di Sao Paolo, Brazil yang berlangsung dari 11 hingga 16 Ogos itu disertai 1,200 peserta dari lebih 60 negara dengan sebanyak 50 bidang kemahiran dipertandingkan.

Airul Firham yang dibimbing pakar negara, Khalaksa Khalil melahirkan rasa syukur dan bangga setelah menjadi rakyat Malaysia pertama memenangi pingat utama dalam pertandingan seakan olahraga bagi bidang kemahiran itu.

"Saya berasa begitu bangga dan tidak tergambar perasaan gembira kerana dapat mengharumkan nama negara," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian pingat dan upacara penutupan pada Ahad.

Remaja dari Arau, Perlis itu berkata beliau akan terus menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa bagi mengasah kemahiran serta berhasrat membantu dalam berkongsi pengalaman dan tunjuk ajar kepada peserta ke WSC Abu Dhabi pada 2017. - BERNAMA